

20 JAN 2004
Langkawi-Pelancongan
LANGKAWI TERUS MENGGAMIT PELANCONG

Oleh: Zulkafli Ibrahim

LANGKAWI, 20 Jan (Bernama) -- Pulau Langkawi tetap menarik minat pelancong dari dalam dan luar negeri, walaupun sebelum ini banyak pihak bimbang industri pelancongan pulau legenda ini akan memasuki zaman kegelapan selepas persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Berdasarkan angka kedatangan pelancong ke pulau bebas cukai ini, ternyata infrastruktur yang dibangunkan dan promosi yang dijalankan terhadapnya pada era Dr Mahathir, adalah amat kukuh bagi menghadapi saingan dan masa.

Sepanjang tahun lepas, Langkawi menerima kedatangan hampir 2 juta orang berbanding 1.9 juta pada tahun sebelumnya, suatu angka yang menunjukkan pulau peranginan ini terus bertahan daripada segi kedatangan pelancong.

Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Ramizi Hassan memberitahu BERNAMA, sejumlah 1.98 juta pelancong tempatan dan luar negara melawat pulau legenda ini tahun lepas.

"Daripada jumlah itu, lebih 160,000 orang merupakan pelancong luar negara," katanya di sini hari ini.

Walaupun Langkawi mempunyai pesaing yang kuat iaitu Phuket, Thailand ia tetap mempunyai tarikan tersendiri di kalangan pelancong asing termasuk dari negara jiran itu sendiri.

Ramizi berkata pelancong dari Thailand mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 58,635, diikuti Singapura (27,815), Australia (18,806), India (10,277), Indonesia (9,964) dan United Kingdom (8,105).

Langkawi turut menjadi tuan rumah kepada pelancong China yang mula menunjukkan minat melancong ke negara ini dengan menerima kedatangan 5,340 pelancong China tahun lepas. Dan mungkin hasil publisiti pertunjukan Udara dan Maritim Antarabangsa (LIMA), Langkawi juga menerima kunjungan 1,073 pelancong Rusia.

Turut melawat Langkawi ialah pelancong dari Jepun (4,994), Jerman (3,616), Hong Kong (3,304), Amerika Syarikat (2,505), Perancis (2,173), Filipina (1,977) dan Korea Selatan (1,440), katanya.

Ramizi berkata sempena sambutan Tahun Baru Cina Khamis dan Jumaat ini hingga ke hujung minggu, pihak hotel, chalet dan pengusaha pelancongan termasuk feri serta pengangkutan darat dan udara menerima tempahan yang meningkat.

Pengurus Daerah Penerbangan Malaysia (MAS) Langkawi, Mustaffa Kamal Abdul Wahab berkata MAS akan mengadakan penerbangan tambahan sempena perayaan itu termasuk menggunakan pesawat Boeing 747.

Selain itu perkhidmatan berjadual antara empat hingga tujuh penerbangan setiap hari ke Langkawi menggunakan pesawat Boeing 737.

Beliau berkata pada tahun lepas MAS mengendalikan 249,018 penumpang domestik dan antarabangsa menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat.

MAS menyediakan penerbangan terus London-Langkawi sejak Oktober lepas dan penerbangan sewa khas dari beberapa negara Asia dan Eropah.

Untuk menangani kebanjiran pelancong sempena perayaan Tahun Baru Cina juga, perkhidmatan feri bagi laluan Kuala Kedah-Langkawi dan Kuala Perlis-Langkawi juga akan ditambah, menurut Pegawai Operasi United Ferry Ventures Sdn Bhd Ahmad Ismail.

Katanya syarikat itu yang mempunyai 26 feri akan mengadakan 60 hingga 72 perjalanan ke destinasi berkenaan sepanjang musim perayaan itu.

Pengerusi Persatuan Tuan Empunya dan Pemandu Kereta Sewa Langkawi, Yusof Abdullah berkata sebanyak 592 kenderaan disediakan untuk pengguna sepanjang musim perayaan itu.

"Kita tiada masalah untuk menampung kemasukan pelancong ke pulau ini," katanya.

Sementara itu, aspek keselamatan, budaya hidup, penduduk dan persekitaran menarik menjadi antara faktor kepada tarikan pelancong asing ke Langkawi.

Ketua Polis Daerah Langkawi Supt Abdul Halim Abdullah berkata maklum balas yang diterima daripada pelancong ialah mereka merasa selamat untuk ke mana-mana ketika berada di Langkawi.

Jurutera sebuah kapal pelancong dari Amerika Syarikat John Joseph Warsh berkata kebersihan alam sekitar selain penduduk yang ramah menjadi tarikan buatnya ke pulau ini.

Pelancong dari New Zealand, Peter Thornley berkata beliau dan isterinya datang semula ke Langkawi buat kali kedua kerana tertarik dengan keindahan pulau yang jarang terdapat di negara lain selain makanannya yang sedap.

Pelancong Arab Saudi, Ahmad Al-Sudany pula berkata Langkawi tidak sibuk dan bising dan sesuai untuk menenangkan fikiran.

-- BERNAMA

ZI ZS RON